



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

20 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Pemantauan Dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 Di Sektor Perkilangan Dan Premis Perniagaan

Dalam usaha untuk memastikan sektor perkilangan dan perniagaan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh, kerajaan telah melaksanakan operasi pemantauan dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak didapati melanggar SOP yang telah diwartakan.

Sejak 1 Jun sehingga 19 Jun 2021, pasukan Task Force Operasi Pematuhan telah melakukan pemeriksaan ke atas 510 buah kilang dan daripada jumlah itu, sebanyak 113 buah kilang telah diarahkan tutup.

Secara kumulatifnya, sebanyak 24,942 kilang dan premis perniagaan telah diperiksa sejak 14 Januari 2021 yang melibatkan 22,819 premis perniagaan dan 2,123 kilang. Sehingga kini, 167 kilang dan 17 premis bukan kilang telah diarahkan tutup.

Dalam pada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) secara kumulatifnya sejak 1 Jun sehingga 19 Jun 2021, telah melaksanakan sebanyak 33,010 pemeriksaan.

Manakala pada 19 Jun 2021, sebanyak 2,027 pemeriksaan pematuhan harian telah dilaksanakan dan sebanyak 12 kompaun telah dikeluarkan ke atas premis-premis perniagaan yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) perintah kawalan pergerakan.

PKPD Kampung Skim Pamalan, Keningau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Skim Pamalan, Keningau, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 yang di lokaliti tersebut di mana 30 kes positif telah direkodkan dari 339 ujian saringan yang dijalankan dengan kadar positifiti 8.84%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Skim Pamalan, Keningau, Sabah berkuat kuasa 22 Jun sehingga 5 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut sekaligus memudahkan KKM menjalankan tindakan kawalan COVID-19 dengan cepat dan berkesan.

PKPD di Kampung Jaya Baru, Kunak, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Jaya Baru, Kunak, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes dalam tempoh yang singkat apabila sebanyak 20 kes positif telah direkodkan di lokaliti ini hasil daripada 83 ujian saringan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Jaya Baru, Kunak, Sabah bermula 22 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat saringan secara bersasar ke atas penduduk terlibat seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD di Taman Wijaya Park, Kota Kinabalu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Taman Wijaya Park, Kota Kinabalu, Sabah.

Sehingga kini KKM telah melaksanakan 20 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 12 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wijaya Park, Kota Kinabalu, Sabah bermula 22 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD di Kampung Serudung Baru, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Serudung Baru, Tawau, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes dalam tempoh yang singkat apabila sebanyak 10 kes positif telah direkodkan di lokaliti ini hasil daripada 38 ujian saringan dengan kadar positifiti 26.32%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Serudung Baru, Tawau, Sabah bermula 22 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan PKPD sekaligus memudahkan KKM membuat saringan secara bersasar ke atas penduduk terlibat dan mengekang penularan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD di Ladang Brumas, Kalabakan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Ladang Brumas, Kalabakan, Sabah.

KKM telah melaksanakan sebanyak 44 ujian saringan di lokaliti tersebut dan daripada jumlah itu, 9 daripadanya didapati positif COVID-19 dengan kadar positifiti 20.45%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Brumas, Kalabakan, Sabah bermula 22 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD Empat (4) Lokaliti di Mukim Tenglu, Mersing, Johor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di empat (4) lokaliti di Mukim Tenglu, Mersing, Johor yang melibatkan:

- Kampung Tanjung Genting
- Kampung Benaung
- Kampung Makam
- Kampung Sawah Datok

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di keempat-empat lokaliti tersebut di mana 54 kes positif telah direkodkan hasil dari 268 ujian saringan yang dijalankan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di empat (4) lokaliti tersebut berkuat kuasa 22 Jun sehingga 5 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut sekaligus memudahkan KKM menjalankan pemantauan dan pengawasan individu yang dikuarantin.

PKPD Lima (5) Taman Perumahan Dalam Kawasan Mentakab, Daerah Temerloh, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di lima (5) taman perumahan dalam kawasan Mentakab, Daerah Temerloh, Pahang yang melibatkan:

- Taman Bukit Bendera
- Taman Rimba
- Taman Sri Layang
- Taman Saga
- Taman Saga Indah

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di kelima-lima lokaliti tersebut di mana 8 kes positif direkodkan di Taman Bukit Bendera, Taman Rimba (10 kes), Taman Saga (3 kes), Taman Saga Indah (2 kes) dan Taman Sri Layang (7 kes).

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lima (5) lokaliti yang dinyatakan berkuat kuasa 22 Jun sehingga 5 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bagi memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes positif dan kontak rapat supaya dapat diasingkan secepat mungkin serta menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

Pelanjutan PKPD Kampung Pulutan, Nabawan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pulutan, Nabawan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 245 ujian saringan dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Sehingga kini, KKM mengesahkan masih terdapat penularan berterusan dikalangan penduduk di dalam kawasan PKPD serta masih terdapat jangkitan baharu yang direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPD) di Kampung Pulutan, Nabawan, Sabah berkuat kuasa 22 Jun sehingga 5 Julai 2021.

Penamatan PKPD Kampung Murni C, Nabawan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Murni C, Nabawan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 502 ujian saringan di kawasan ini dan 37 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kes terakhir yang direkodkan adalah pada 15 Jun 2021 iaitu empat (4) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Murni C, Nabawan, Sabah pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Dua (2) Perkampungan di Kota Belud, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) perkampungan di Kota Belud, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Tamalang
- Kampung Tuguson

yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 186 ujian saringan di kedua-dua lokaliti ini dan sebanyak 22 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kes terakhir yang direkodkan adalah pada 17 Jun 2021 iaitu lima (5) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di dua (2) lokaliti yang dinyatakan pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 50 ujian saringan di lokaliti ini dan sebanyak 12 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kesemua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau Sabah pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 20 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 742 ujian saringan dan 26 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Apartment Taman Permata, Sandakan, Sabah pada 20 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Ongkilan, Kota Marudu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Ongkilan, Kota Marudu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 945 ujian saringan di lokaliti ini dan sebanyak 16 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kesemua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Ongkilan, Kota Marudu, Sabah pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Tiga (3) Lokaliti di Jaya Gading, Kuantan, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) lokaliti di Jaya Gading, Kuantan, Pahang yang melibatkan:

- Kampung Jaya Gading
- Sebahagian Kampung Seri Damai
- Bandar Baru Jaya Gading

yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 1,459 ujian saringan di ketiga-tiga lokaliti ini dan sebanyak 158 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kesemua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan serta dipantau sehingga hari ke-14.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di tiga (3) lokaliti yang dinyatakan pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang yang dijadualkan tamat pada 21 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 70 ujian saringan di lokaliti ini dan sebanyak 35 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

KKM juga mengesahkan kes aktif di lokaliti ini menunjukkan penurunan dan kluster adalah terkawal manakala kes positif terakhir yang direkodkan adalah pada 12 Jun 2021 iaitu dua (2) kes.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang pada 21 Jun 2021 (jam 11.59 minit malam) seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 87,637 pemeriksaan semalam, bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 852 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 821 individu dikompaun manakala 31 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (175)
- Tidak memakai pelitup muka (143)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (129)
- Tidak mematuhi arahan kawalan pergerakan (94)
- Bawa penumpang berlebihan (45)
- Lain-lain (266)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 18 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas sembilan (9) buah kenderaan darat.

Sebanyak 173 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui enam (6) aktiviti penglihatan dan satu (1) orang PATI turut berjaya diusir melalui satu (1) aktiviti pengusiran.

Op BENTENG melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 957 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

- Op PENAWAR/SJR PKP - 903 SJR
- Op BENTENG PDRM/ATM/RELA - 45 SJR
- Op BENTENG AKSEM - 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 127 operasi sanitasi dilakukan meliputi 57 zon merah, zon jingga (6), zon kuning (6) dan zon hijau (1) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 640 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 217 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 116 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 28,429 operasi sanitasi yang merangkumi 157 zon telah dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 605 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 229,850 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,458 individu telah dikuarantin dan 219,630 orang dibenarkan pulang manakala 2,762 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 784 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (598), pemborong (155) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,631 pemeriksaan khas pematuhan SOP dan mendapati kesemua premis yang diperiksa mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 34 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif yang direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 699,281 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,286 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,354 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,927 lagi adalah negatif.

Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.

Terima kasih.

#StaySafeStayHome #AmalkanKawalanKendiri

**YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**